

15/01/2000

Umno perlu pertahan prinsip demokrasi

ISU perhimpunan agung Umno yang dijadualkan bulan Mei ini menjadi perbualan hangat bukan saja dikalangan ahli Umno tetapi juga dikalangan pemerhati-pemerhati. Soal yang diperdebatkan ialah adakah wajar diadakan sekatan terhadap pertandingan untuk jawatan Presiden Umno dan Timbalan Presiden Umno?

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan beliau akan mempertahankan jawatan itu sekiranya dicabar. Tetapi Majlis Tertinggi Umno menyarankan agar jawatan itu dan juga jawatan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Hanya dua jawatan itu tidak terbuka untuk dipertandingkan sedangkan jawatan lain terbuka kepada pertandingan ahli-ahli.

Beberapa orang telah pun membuka suara menyatakan niat akan bertanding jawatan Naib Presiden termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Datuk Dr Rais Yatim. Tidak ada calon untuk bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden, suatu hal yang tidak menghairankan kerana kedua-dua jawatan itu memang jawatan yang oleh ahli-ahli Umno dianggap sebagai jawatan yang tidak wajar diganggu gugat. Tetapi mengapa diadakan larangan terbuka bahawa kedua-dua jawatan itu tidak harus dijadikan rebutan?

Siapakah yang akan tergamak misalnya hendak mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memegang terus jawatan Presiden dan memimpin negara?

Setakat ini belum terdengar sedikit pun suara daripada ahli-ahli Umno mengkritik atau memperkecil kewibawaan Datuk Seri Abdullah Badawi memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Dengan lain kata, sebenarnya keputusan Majlis Tertinggi bahawa kedua-dua jawatan itu tidak wajar dipertandingkan sebenarnya tidak perlu. Tidak nampak sebarang tanda bahawa kedua-dua tokoh besar itu akan dicabar oleh sesiapa pun. Dengan lain kata tanpa keputusan MKT itu, kedua-dua tokoh itu akan memang kelak tanpa bertanding.

Apa yang dipersoalkan ialah adakah perlu mengadakan sekatan terhadap pertandingan untuk kedua-dua jawatan itu.

Tidakkah keputusan itu menjejaskan imej dan nama baik Umno sebagai sebuah parti yang mengamalkan demokrasi yang mana jawatan yang setinggi-tingginya dan serendah-rendahnya dalam Majlis Kerjanya terbuka kepada pilihan perhimpunan agungnya?

Sudah tentu pada prinsipnya keputusan itu dipersoalkan juga dari satu segi lain iaitu keputusan MKT itu berlawanan dengan prinsip demokrasi, satu isu yang amat sensitif kepada ahli-ahli Umno pada masa ini. "Memang betul kami tidak dilarang menggunakan bijak pandai kami sama ada menerima atau menolak saranan MKT itu."

Kedua-dua Presiden dan Timbalan Presiden sendiri berpendirian bahawa mereka tetap mengemukakan diri mereka untuk dicalonkan. Dengan lain perkataan, kedua-dua Presiden dan Timbalan Presiden tidak keberatan mereka dicabar oleh ahli-ahli.

Setakat ini tidak siapa yang mengemukakan diri untuk bertanding merebut kedua-dua jawatan itu seolah-olah menghormati keputusan Majlis Kerja Tertinggi. Bagaimanapun, pencalonan kelak akan dibuat oleh bahagian-bahagian dan menurut peraturan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, seorang calon memerlukan lebih kurang 30 pencalonan bahagian untuk melayakkan bertanding sebagai calon.

Kalau kita bertanya ahli-ahli Umno, sudah tentu mereka lebih cenderung memilih tiap jawatan Majlis Kerja Tertinggi dipertandingkan termasuk

jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Hujah mereka ialah inilah masanya Umno harus memperlihatkan dirinya sebagai sebuah parti politik yang benar-benar demokratik, sanggup menghadapi sebarang dugaan dan ujian untuk mempertahankan dasarnya sebagai sebuah parti politik yang terbuka kepada rakyat secara demokratik.

Seorang tokoh Umno yang telah bersara berkata: "Inilah ketikanya Umno harus menunjukkan bahawa ia tidak gentar dan takut mempertahankan prinsipnya yang bersandar pada demokrasi dan rakyat tanpa mengira kedudukan, pangkat dan taraf dalam masyarakat".

(END)